



GARIS PANDUAN PERMOHONAN
TAMBAH BIDANG (**UMRAH**)

PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN/
PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN

**KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN
MALAYSIA**

GARIS PANDUAN PERMOHONAN TAMBAH BIDANG PERNIAGAAN UMRAH PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN / PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN

1. Syarat-syarat permohonan:

- (a) Syarikat **mempunyai lesen dalam bidang IOT** yang masih sah.
- (b) Syarikat hendaklah berstatus **Existing** (sertakan e-info SSM).
- (c) Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang saham hendaklah **WARGANEGARA MALAYSIA** dan beragama **ISLAM**.
- (d) Pegangan ekuiti syarikat **HENDAKLAH** 100% dimiliki oleh warganegara Malaysia yang beragama Islam.
- (e) **Bebas daripada kompaun** di bawah Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992 atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan (APKP) 1999 (Sabah, Sarawak dan WP Labuan).
- (f) Seorang ahli lembaga pengarah atau pemegang saham hendaklah menghadiri **kursus Pemantapan Pengendalian Umrah (KPPU)** yang dianjurkan oleh mana-mana Institut Latihan Pelancongan (ILP) yang berdaftar dengan KPK.
- (g) Sekiranya pengarah/pemegang saham merupakan Kakitangan Kerajaan/Badan Berkanun yang sedang berkhidmat, dia hendaklah mendapatkan kebenaran dari Ketua Jabatan.

2. Dokumen yang diperlukan:

- (a) Salinan sijil KPPU yang dihadiri dalam tempoh tiga (3) tahun semasa.
- (b) Sesalinan perjanjian dengan Muasassah di Arab Saudi bagi syarikat berstatus Muasassah;
atau
Sesalinan perjanjian kerjasama perniagaan dengan sekurang-kurangnya dengan satu (1) syarikat berstatus Muasassah di Malaysia.
- (c) Sesalinan dokumen polisi insurans takaful untuk melindungi setiap jemaah Umrah sekiranya berlaku kecemasan, penyakit dan kematian yang turut merangkumi perlindungan:
 - i. Kemalangan diri ke atas jemaah;
 - ii. Kos rawatan perubatan;
 - iii. Penghantaran balik jemaah disebabkan kesihatan;
 - iv. Pengurusan jenazah; dan
 - v. Terkandas disebabkan faktor-faktor munasabah sebelum/semasa/selepas perjalanan ke Mekah/Madinah.
- (d) Sesalinan dokumen polisi insuran indemniti profesional (*professional indemnity insurance*).

- (e) Cadangan Pakej Umrah atau Ziarah yang akan ditawarkan.
- (f) Sesalinan sijil keahlian MATTA atau BUMITRA yang masih sah sekurang-kurangnya 6 bulan semasa permohonan dibuat.
- (g) Salinan surat kebenaran Ketua Jabatan (sekiranya berkaitan).
- (h) Sesalinan carian status kebangkrapan daripada Jabatan Insolvency Malaysia bagi ahli lembaga pengarah dan pemegang saham.
- (i) Apa-apa dokumen lain atas permintaan oleh Pesuruhjaya bagi maksud memproses permohonan.

3. Tatacara Permohonan:

Menggunakan Borang LKU/1 bagi permohonan tambah bidang (sehingga sistem SPIP dikemas kini).

4. Piagam Pelanggan:

20 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

5. Keputusan Permohonan:

Surat keputusan permohonan akan di alamatkan kepada alamat syarikat yang dilesenkan.

6. Bagi permohonan yang **TIDAK DILULUSKAN**

- (a) Syarikat boleh mengemukakan rayuan bertulis **dalam tempoh 14 hari** dari tarikh surat keputusan dikeluarkan dan dokumen-dokumen berkaitan berdasarkan alasan penolakan permohonan;
- (b) Rayuan hanya boleh dibuat **sekali sahaja** kerana keputusan rayuan adalah muktamad dan konklusif. Tiada rayuan atas rayuan boleh dibuat; dan
- (c) Sekiranya rayuan **DITOLAK**, syarikat boleh mengemukakan permohonan baru seperti di perkara 3.

Tarikh Kuat kuasa:

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 OKTOBER 2017.